

NATIONAL RESILIENCE MALAYSIA-THAILAND PERSPECTIVE

Buku ini mengandungi 10 artikel dari rakan penulis di dua buah negara berjiran iaitu Malaysia dan Thailand. Setiap tulisannya berkongsi satu (1) aspek nilai yang sama iaitu Ketahanan Nasional. Ia diterjemahkan kepada dimensi-dimensi berbeza yang kemudiannya menjadi tumpuan penulisan para penulis.

Bab 1 dimulakan dengan watak dan idea kepimpinan dominan Thailand iaitu Prodi Banomyong dalam usahanya membantu sistem politik demokrasi. Kemudian ia disusuri dengan Bab 2 terkait dengan pembangunan komuniti Ban Nua yang berterasakan Islam di Hatyai. Pembangunan berterasakan Islam ini menjadi topik perbincangan yang semakin relevan di Bab 3 khususnya dalam aspek sistem pengajian pondok di Malaysia. Segala persoalan (1) kepimpinan, ii) konstitusi politik dan iii) komuniti Islam akhirnya telah di rangkum dalam pelbagai cara khususnya di Bab 7, Bab 9 dan Bab 10. Tidak ketinggalan Bab 5 membawakan penulisan unik apabila Islam di bincangkan dalam konteks komuniti Cina Peranakan Muslim di Kelantan.


Bagi melihat keselarian dan perkongsian latar Nusantara maka di bawaikan juga penulisan tentang kepimpinan wanita di Aceh (Indonesia) pada Bab 4. Manakala aspek konstitusi politik pula dibincangkan secara serius pada Bab 6 khususnya tentang kedaulatan Pulau Batu Puteh (Pedra Branca). Penulisan terkait kedaulatan Singapura seterusnya dikembangkan pada Bab 8 dengan melihat gaya kepimpinan Bapa Singapura (Lee Kuan Yew) dalam mengurus masyarakatnya yang majmuk

Dapat disimpulkan bahawa kandungan buku ini cenderung menunjukkan kepada proses orientasi aspek nilai di kalangan masyarakat dan kerajaan dalam mendepani cabaran mendatang. Masyarakat berkongsi akal budi yang hampir sama namun akhirnya faktor kenegaraan begitu besar memaikan pengaruhnya. Akhirnya satu konsensus dilakukan di antara negara dan ahli masyarakat. Ia sekali gus membentuk Ketahanan Nasional unik tetapi utuh khususnya bagi negara Malaysia mahupun Thailand.



UTM
Universiti Teknologi Malaysia

NATIONAL RESILIENCE MALAYSIA - THAILAND PERSPECTIVE



KIBONDH TIPSRIHIMIT
KHAIRUL AZMIAN MOHAMMAD SUHAIMY
ABDUL RAZAK @ ABDULLROYA PANAEWALAE
LUTFAN JAES

ISBN 978-967-2389-98-9



9 789672 389989

Penerbit
UTHM

Penerbit
UTHM

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Tariq Ramadan, 2002. *To Be A European Muslim*. UK: The Islamic Foundation.

_____, 2004. *Western Muslims and the Future of Islam*. New York: Oxford University Press.

_____, 2009. *Radical Reform: Islamic Ethics and Liberation*. New York: Oxford University Press.

_____, 2010. *What I Believe*. New York: Oxford University Press.

_____, 2012a. *The Quest for Meaning: Developing a Philosophy of Pluralism*. England: Penguin Books.

_____, 2012b. "Multiple Identities and the Value of Diversity – A Message for Government" in *Seminar on Multiculturalism*. Putrajaya: Kazak School of Government.

_____, 2012c. *Western Muslim: From Integration to Contribution*. UK: Awakening Publishing.



KEPENDUDUKAN KOMUNITI SIAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA; PERSOALAN MIGRASI DAN HISTORIOGRAFIK

Nur Azuki Yusuff

Suziana Razali

Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia

nurazuki@umk.edu.my

ABSTRAK

Dalam membicarakan tentang kependudukan komuniti Siam di Malaysia, beberapa persoalan akan timbul seperti: i) *Adakah wujud migrasi?*; ii) *Bagaimana ia berlaku?*; dan iii) *Bagaimanakah bentuk historiografinya?* Sehubungan itu artikel ini akan menelusuri ruang pandangan sejarawan dan analisis secara saintifik melibatkan keseluruhan objektitinya. Secara umumnya masyarakat Siam Kelantan sebenarnya tidak berlaku isu penghijrahan secara langsung kerana masyarakat Siam sememangnya berasal dari negeri Kelantan iaitu bertaraf penduduk tetap sebelum Tanah Melayu Merdeka. Mereka hanya melalui proses transmigrasi yang kebiasaan sahaja ekoran daripada sanak saudara mereka yang masih tinggal di Thailand. Penulis juga mendapati bahawa bahasa yang digunakan oleh masyarakat Thai di Kelantan. Penghijrahan masyarakat Siam yang datang dari Sukhothai juga dikatakan telah melalui banyak faktor kedatangan meliputi faktor ekonomi, perkahwinan dan peperangan. Oleh itu, faktor-faktor yang menyokong kehadiran masyarakat Siam tersebut ke Kelantan mengukuhkan lagi teori pengkaji-penulis yang lampau. Namun begitu, faktor kedatangan tersebut memerlukan tempoh masa yang panjang untuk melalui satu-satu kawasan menyebabkan proses transmigrasi tersebut meninggalkan kesan bagi setiap kawasan yang telah mereka diami itu

PENGENALAN

Dalam berbicara isu kependudukan komuniti Siam di Malaysia, dua persoalan menjadi perbincangan iaitu adakah wujud migrasi? Sekiranya ada, bagaimana ia berlaku? Manakala persoalan seterusnya ialah bagaimanakah bentuk historiografinya. Bagi menyatakan kandungan perbincangan, penulis akan menelusuri ruang pandangan sejarawan, analisis secara saintifik melibatkan keseluruhan objektifnya.

Penulisan ini didasarkan kepada penyelidikan di bawah geran FRGS¹ Pengesanan Sosiod budaya Masyarakat Siam Kelantan Dari Sudut Bahasa Asal Siam Kelantan” (R/FRGS/A04.00/00074A/002/2015/000290) sepanjang tahun 2015 hingga 2018. Justeru, setinggi penghargaan dihujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Kelantan dan Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi kepercayaan menjalankan penyelidikan ini. Penulisan ini turut ditekuni datanya oleh penulis menerusi pengajian kesertajanaan penulis. Usaha pendokumentasian dilakukan melalui kajian lepas, wawancara eksklusif bersama pakar dan pandangan am komuniti Siam. Penulis banyak merujuk daripada ahli sejarawan Siam daripada Thailand, ahli persatuan Siam Kelantan dan Kedah. Antara panel utama ialah tokoh warisan Siri Neng Buah, Prof. Dr. Chanthas Thongchuy, Prof. Madya Dr. Suebpong, Prof. Dr. Khamnuong Sanong dan Merie a/p Anad daripada Kedah. Penceritaan ini sedar ringkasan dapatkan yang lebih tertumpu kepada komuniti Siam Kelantan khususnya dan sedikit menyentuh Kedah.

SIAPAKAH KOMUNITI SIAM

Masyarakat Siam bukan orang Pattani. Orang Pattani sering disebut sebagai ‘orang alek Siam’ atau Orang yang berwarganegara Thailand dan penduduk Negara Thailand yang datang ke Malaysia (Isma Ae Mohamad, 2015). ‘Siam’ merupakan panggilan kepada segolongan orang dalam negara Thailand kini atau gelaran yang orang asing kepada orang Thai. Panggilan ‘Siam’ juga menunjukkan nama keturunan sesetengah suku kaum Tai dalam negeri Assam di India, suku kaum Tai dalam negeri Chan di Myanmar, suku kaum dalam kawasan autonomi Tai-Meo di Vietnam dan suku kaum Thai dalam kawasan pemerintahan sendiri Tai-Chingpo dalam Republik China. Oleh itu, ‘Siam’ bukanlah nama kaum tertentu, tetapi merupakan bentuk dalam baris perkataan Sam, Cam, Sem, Siam, Sayam, Siyam, Sian dan lain-lain yang menjadi nama panggilan suku kaum Tai atau Thai semenjak zaman dahulu. Bukti sejarah ini menjelaskan rantaian bukti yang kukuh penglibatan orang siam beribu-ribu tahun

(Thirawit: 2004M: 42) dalam surat dinasti Yuan bagi pihak Monggol (1368M-1620M), surat dinasti Ming (1620M-1644M) dan dinasti Qing (1644M-1911M) antaranya panggilan kepada raja Siam tiap-tiap era ialah “Siam Ong” (Ong bagi negeri Siam).

Malaysia memiliki rakyat berbilang kaum dan budaya, hidup aman dan damai. Terdapat ramai etnik Thai yang memperkenalkan diri sebagai orang Siam (Wit Bandhikum, 2012). Pada tahun 1998M, dalam kalangan etnik lain (9%), populasi orang Siam warganegara Malaysia ialah kira-kira 80,000 orang. Kebanyakan mereka menetap di bahagian utara negara di Kedah (lebih kurang 30,000 orang), Kelantan (25,000), Perak (5,000), Perlis (3,000) dan Terengganu (lebih kurang 500 orang). (Khamnuong Nuansanong, 2003).

PERSOALAN MIGRASI KOMUNITI SIAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sepanjang perbuahan awal dengan tokoh warisan Siri Neng Buah (2017), beliau mempercayai bahawa sekitar 7000 tahun dahulu masyarakat Siam mendiami kawasan pergunungan Altai (Mongolia) dan sekitar 2500 tahun kemudian berkembang dan berhijrah ke selatan yang lebih subur. Malah mereka juga membina penempatan kekal di lembangan sungai Hwang Ho dan Yang Tze Kiang kerana selain sebagai penternak nomad, mereka juga petani berkebolehan. Pada beberapa peringkat dengan diketuai oleh raja-raja mereka, masyarakat Siam dapat memperlakukan penghijrahan mereka ke selatan. Masyarakat Cina, menggelar nama kerajaan Siam ini sebagai ‘Siamkok’ atau Ailiao. Dari nama inilah dikenali orang Siam atau Lao. Antara tahun 757 masehi, kerajaan Siam Nancoo di wilayah Yunan, selatan Cina telah wujud sebagai sebuah empayar yang luas hingga ke Syam dan hulu sungai Irrawaddy. Pada masa yang sama, lembah Menam Chao Phraya masih di bawah pengaruh Khmer mulai didatangi oleh beberapa gerombolan Siam dari Muang Se, Tong King dan Annam. Mereka berhijrah ke lembangan Mekong dan menjadi penduduk tetap Angkor Wat.

Pendapat ini pernah dinyatakan sebelum itu oleh Prof. Dr. Chanthas Thongchuy (2016) dari University of Songkhla, Thailand mengenai petempatan awal masyarakat Siam yang telah mula berhijrah dari pergunungan. Hal ini demikian dijelaskan lagi oleh beliau mengenai penghijrahan ini berlaku berdasarkan geografi Siam dibahagikan kepada 4 wilayah iaitu pertamanya, utara kawasan pergunungan, kedua sentral/pertengahan iaitu lembangan sungai Chao Phraya, ketiga adalah lembangan sungai Mool dan sungai Khong dan yang ke empat atau yang terakhir ialah selatan iaitu sememaminnr/lembangan sungai I-aa-1-1-1

Manakala berdasarkan pengamatan, penulis berpendapat fakta tersebut boleh dimurnikan. Penulis melihat bahawa susur galur asal masyarakat Siam cukup hanya dua buah negara sahaja untuk dipetakan. Dalam sejarah Siam, bila disebut mengenai Monggolia bermakna ia sudah pun termasuk dalam peta negara China. Untuk menentukan tempat asal masyarakat Siam Kelantan, penulis menggunakan aplikasi *Google Earth* untuk mendapatkan kepastian mengenai kedudukan nama negara yang dinyatakan dalam peta tersebut. Perkara ini membuatkan penulis memilih tahun penghijrahan yang bermula dari negara asal mereka iaitu Siam atau lebih dikenali sebagai Thailand kini. Hal ini adalah supaya tidak akan ada masalah kekeliruan nama tempat yang akan timbul kelak. Keputusan penulis tersebut dipersetujui oleh En. Siri Neng Buah (*Pak Siri*) dan juga disokong oleh beberapa pihak termasuklah ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Siam Kelantan sendiri, Pakar Sejarah dari Negara Thailand seperti Prof. Dr. Khamnuong Sanong dari University of Songkhla dalam Kolokium yang diadakan. Kemudiannya diajukan kepada Prof. Madya Dr. Suebphong dari Universiti Walailak di Nakhon.

Pertincangan seterusnya ialah berkaitan cerita penghijrahan. Transmigrasi masyarakat Siam yang ditegaskan oleh Siri Neng Buah telah bermula di Phayao. Phayao merupakan sebuah kerajaan kecil yang merdeka dan merupakan salah sebuah wilayah di Thailand yang wujud sememjak tahun 1096M lagi. Di samping itu, negeri kota yang lain wujud seperti Ciengrei, Ciensen, Ciengmai, Sua atau nama lainnya Lua Prabang dan negeri-negeri lain juga. Pendapat ini disokong oleh Prof. Dr. Chanthas Thongchuwai (2016) dari University of Songkhla, Thailand yang mengatakan selepas berhijrah, Siam dibahagikan kepada 4 wilayah. Antaranya ialah Lawa atau Yonok, Khemer, Nakhorn Pathom dan Malayu Semenanjung, Palembang. Lawa dikatakan berhampiran dengan Ciangsen yang dikatakan negeri kota yang wujud pada 1096 selain Phayao.

Selepas itu, penghijrahan terus menuju ke Sukhothai bermula tahun 1238 selepas penempatan di Phayao. Luang Prabang wujud di lembah sungai U telah membentuk empayar Lanmathai walaupun akhirnya Sukhothai yang lebih dikenali. Sukhothai dianggap mencapai zaman kegemilangan semasa pemerintahan Rama Khamheng pada tahun 1283 sehingga tahun 1317 dan orang Siam mengingatnya sebagai pengasas huruf tulisan bangsa ini.

Peulasan empayar Sukhothai dipercayai hingga ke hujung Tanah semenanjung (Johor-Singapura) dibuktikan dengan kewujudan kerajaan Temasek. Manakala Kerajaan Lawo, Khamphengphet hingga ke Cayra dan Ligor di Segenting Kra dianggap sebagai sebahagian empayar tersebut. Sewaktu Sukhothai melalui zaman

kemerosotan Raja U Thong (nama kerajaan) membina kota baru 'Dravati Sri Ayudhya' di sebuah pulau di Sungai Chao Phara. Di sebelah Luang Prabang pula, Fa Ngum berusaha membina empayar Sejuta Gajah (Lan cang). Pendapat ini disokong oleh Prof. Khamnuong Nuansanong (2016) mengenai sejarah kependudukan Sukhothai yang telah ditubuhkan sekitar tahun 1257M. Kota Sukhothai juga pernah menjadi ibu kota Siam yang mempunyai kerajaan yang teguh pada era awal sejarah Thai. Penuturan dialek Siam Kelantan dengan Sukhothai juga menjadi faktor yang sama kerana wilayah tak bai turut menggunakan dialek yang sama dengan Sukhothai. Menurutnyanya juga, masyarakat Siam Kelantan sukakan kedamaian, maju dalam bidang kebudayaan, menghormati etnik lain, hidup bermuafakat malah berpegang teguh dengan ajaran Buddha dalam kehidupan seharian ini menunjukkan identiti yang sama dengan masyarakat Siam Sukhothai. Dari alasan unsur yang penting dari bahagian penggunaan bahasa dialek, pengambilan rakyat dan tabiat Siam Kelantan mempunyai kecenderungan yang boleh dipercayai bahawa perkembangan sejarah dan bangsa Siam Kelantan mempunyai kaitan yang sangat kuat dengan masyarakat Siam Sukhothai.

Oleh itu, pendapat yang dituturkan oleh Pak Siri mengenai penubuhan Sukhothai berkait rapat dengan pendapat Prof. Dr. Chantas ahli sejarawan Siam dan ini bermakna penubuhan kota Sukhothai yang dikatakan wujud pada tahun 1238M boleh diterima malah disokong juga oleh beberapa ahli sejarawan Siam yang lain dan ini menguatkan lagi pendapat penulis mengenai penubuhan kerajaan Sukhothai secara amnya. Seterusnya penghijrahan masyarakat Siam bergerak menuju ke Nancoa pada tahun 1253M. Nancoa pada ketika ini ditakluki oleh Kublai Khan yang telah mengubah taburan penempatan orang Siam di kerajaan kecil selatan Thailand. Kehancuran Nancoa turut mengecahkan perkembangan kerajaan Siam Ahom di Assam (India) tetapi menyemarakkan perkembangan mereka di Sipsong Panna dan Sipsong Cuthai. Pendapat ini disokong oleh Prof. Dr. Chanthas Thongchuwai (2016) yang mengatakan Nancoa pernah dikalahkan oleh Kublai Khan. Kebanyakan orang yang berhijrah dan bersatu dengan Siam Yang membuatkan tentera Siam kuat untuk peperangan perkembangan wilayah pada ketika itu.

Zamberi A. Malek (1993) mengatakan penubuhan kerajaan Ayuthaya bermula pada tahun 1350M di seluruh Semenanjung sehingga Temasek (Singapura), mulai tunduk kepada kekuasaan Siam. Negeri-negeri Malayu seperti Terang, Chumpon, Ujong Sanglang, Berdelung dan Singgora di Utara Semenanjung hingga Segenting Kra, negeri-negeri Patani, Teluban, Kedah, Kelantan, Pahang dan Melaka. Manik Sripradit juga dalam Sejarah Masyarakat Thai di Malaysia mengatakan Ayuthaya ditubuhkan pada tahun 1350M. Menurutnyanya lagi Raja Ramathibodi mendirikan

Ayuthaya sebagai ibu kota kerajaannya dan mengalahkan dinasti Sukhothai pada tahun 1376. Di sini, jelas menunjukkan Sukhothai ditubuhkan terlebih dahulu berbanding Ayuthaya. Pendapat ini juga turut disokong oleh Pak Siri Neng Buah kerana beliau percaya bahawa kerajaan Ayuthaya mempunyai kekuatan ketenteraan kukuh yang mana susah dikalahkan oleh mana-mana pihak. Penulis mengambil pandangan ini bahawa Ayuthaya telah ditubuhkan pada tahun 1350 iaitu sebelum Kerajaan Sukhothai sempat mengukuhkan lagi ketenteraan mereka kembali. Penulis sangat setuju dengan pandangan ini kerana menepati keperluan populasi yang ada pada ketika itu. Mereka telah menguasai Thailand beratus tahun lamanya sebelum beralih ke zaman Bangkok.

Kenyataan ini juga disokong oleh Chaiwat Meesantthan (2015) bahawa pada zaman Ayuthaya orang Melayu yang mendiami kawasan Tengah Thailand adalah para pedagang Melayu yang datang ke Kota Ayuthaya untuk berniaga. Jumlah penduduk Melayu di kawasan itu ketika itu tidak ramai. Tambahan lagi, kebanyakan daripada mereka berkahwin dengan orang tempatan untuk memudahkan perniagaan mereka. Populasi ini sekaligus menunjukkan kekuatan masyarakat Siam ketika itu walaupun tidak dinyatakan dengan jelas berkaitan masyarakat Siam yang tinggal ketika itu.

Selepas Ayuthaya, pada tahun 1767 masyarakat Siam bergerak pula ke Thonburi yang mana saki baki tentera Ayuthaya ketika itu melancarkan perang Gerila sehingga tentera Burma berundur. Kejatuhan Ayuthaya dikatakan telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada Siam. Kota besar dengan kependudukan hampir sejuta jiwa telah diwujudkan oleh tentera Burma namun tidak mampu dibangunkan semula oleh Phya Taksin mahupun Chakri. Menurut Manit Sripardit lagi, Thonburi dikatakan telah termasuk dalam kerajaan Bangkok dan menyatukan kembali bekas kerajaan Ayuthaya. Pendapat ini juga disokong oleh Pak Siri Neng Buah. Pengiktirafan ke atas karisma dan kecekapan kerajaan Bangkok menyusun Strategi ketenteraan dalam siri peperangan penyatuan semula Siam membolehkan wilayah Ayuthaya yang telah mengisytiharkan kemerdekaan keluar dari kerajaan Ayuthaya diwujudkan satu persatu.

Proses penghijrahan yang seterusnya berlaku sekitar tahun 1770M. Masyarakat Siam yang bergerak singgah ke Nakhorn Si Thammarat pada ketika Phya Nakhorn mengisytiharkan kerajaan merdeka. Dua tahun kemudiannya berlaku serangan tentera Phya Taksin Dinasti Chakri ke atas Nakhorn Si Thammarat yang menyebabkan rakyat jelata Siam melarikan diri terus ke negeri selatan (termasuk Kelantan) dan menetap di sana. Pandangan penulis dipersetujui oleh tokoh warisan negara. Hal ini kerana isu berantakan, menurut Chaiwat Meesantthan (2015), pada tahun 1782

berikutnya, Raja Rama I menubuhkan dinasti Chakri iaitu Kerajaan Rattakosin atau lebih dikenali sebagai kerajaan Bangkok yang memerintah Thailand sehingga kini. Beliau menobatkan diri sebagai raja pertama dari dinasti tersebut. Pada tahun yang sama, beliau mengasaskan kota yang baru di Bangkok. Pada era inilah, ramai penduduk negeri-negeri Melayu dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang.

Proses penghijrahan ini akhirnya terhenti di Semenanjung Tanah Melayu pada 1912 atau selepas Perjanjian Bangkok 1909. Perjanjian yang akhirnya memutuskan Kelantan bukan lagi dalam wilayah Thai ini membuatkan masyarakat Siam tidak lagi tertakluk dalam pengaruh Thai Dinasti Chakri. Walaubagaimanapun, masyarakat Siam masih mengekalkan lagi identiti dan pengaruh mereka di Kelantan.

Dengan berakhirnya proses penghijrahan bukanlah bermakna hilangnya identiti masyarakat Siam. Namun inilah tapak untuk komuniti Siam mengekalkan tradisi warisan sosiobudaya dan bahasa asal mereka seperti yang dijelaskan oleh Dr. Chanthas Thongduay (2016), Pak Siri sendiri sebelum ini malah ramai lagi ahli akademik dan sejarawan yang terdiri daripada masyarakat Siam menyokong pandangan ini. Prof Madya Dr. Suebphong pernah menyatakan, sekiranya mahu mengkaji bahasa asal masyarakat Siam yang berasal dari Sukhothai, maka datanglah ke Kelantan. Kelantan menjadi destinasi yang terakhir bagi masyarakat Siam disebabkan banyak faktor yang telah menarik mereka untuk menetap di sini. Antaranya faktor tanah yang subur, faktor ekonomi, faktor kesefahaman, faktor budaya dan banyak lagi. Dan faktor-faktor ini juga disokong oleh ahli sejarawan dan akademik Siam yang sangat tertarik dengan keunikan yang tiada di Thailand.

Manakala di Kedah samalah seperti di Kelantan. Hubungan kerajaan negeri Kedah dengan Siam telah lama berlangsung dengan silih berganti sultan dan raja Siam sejak zaman Shukotai lagi. Negeri itu bersama-sama dengan Negeri-negeri Melayu Utara lain ditakluki sejak abad ke-12. (Suwannathat-Pian, Kobkua, 1991) Hubungan dua hala kerajaan ini berlaku dalam pelbagai cara seperti hubungan diplomatik, perkahwinan, bantuan tentera, pinjaman kewangan, pentadbiran dan penaklukan. Semua hubungan ini menjadi penyebab kependudukan komuniti Siam di Kedah (Mohamad Muzammil 2013). Terdapat satu ungkapan Siam (simpulan bahasa); "*Xin, meang Khorn (Ligor) non meang Strai*" terjemahan langsungnya "*makan di negeri Khorn (Ligor), tidur di negeri Strai (Kedah)*". Buntan Theethumkeadehrai (2010) seorang budayawan Ligor menyatakan bahawa ungkapan ini membawa maksud hubungan yang erat di antara kerajaan Ligor dan Kedah pada suatu masa dahulu dan juga menyatakan kedua buah kerajaan ini berdiri dengan merdekanya. (Siri Neng Buah dan Nur Azuki, 2017) Historiografik Kependudukan Siam, Analisis Kronologi

Migrasi Komuniti Siam Bagi menampakkan historiografi, penulis memulakan perbincangan dengan menyiapkan satu jadual yang lengkap dengan tahun, pemerintahan siapa dan juga peristiwa yang berlaku ketika itu dengan ringkas.

Jadual 10.1 : Jadual Kronologi Migrasi Masyarakat Siam

Bil	Tahun	Penempatan	Peristiwa / Daerah yang Wujud
1	1096	Phayao	Kerajaan kecil di Phayao wujud di Thailand diikuti negeri kota Ciengraj, Ciensen, Ciengmai, Sua (Lua Prabang)
2	1238	Sukhothai	Luang Prabang wujud di lembah sungai U mulai berkembang membentuk empayar Lannathai (walaupun akhirnya Sukhothai yang lebih dikenali)
3	1253	Nancao	Kublai Khan menakluki Nancao dan sekaligus merubah taburan penduduk orang Siam di kerajaan kecil di selatan
4	1350	Ayuthaya	Kota besar dengan penduduk hampir sejuta jiwa telah ditewaskan oleh tentera Burma namun tidak mampu dibangunkan semula oleh Phya Taksin (1767-1909)
5	1767	Thonburi	i. Dari Chantaburi, kemudian Thonburi, saki baki tentera Ayudhya melancarkan perang gerila sehingga tentera Burma berundur ii. Kejatuhan Ayudhya meniggalkan kesan kepada Siam : • Kemusnahan dan Siam kehilangan kuasa pusat • Kerajaan jajahan mulai bebas
6	1770	Nakhorn Si Thammarat	Serangan tentera Phya Taksin ke atas Nakhon Si Thammarat dua tahun selepas Phya Nakon (Nu) mengistiharkan kerajaan merdeka (TM 1770) memungkinkn rakyat jelata Siam melarikan diri ke negeri Selatan dan terus menetap di sana.
7	1912-1915	Semenanjung Tanah Melayu (Kelantan)	Walaupun Inggeris berkuasa, namun rakyat jelata Siam terus menetap di negeri naungan British walaupun ada cerita lisan yang mengatakan hampir semua keluarga Siam di Bukit Tempurong, Besut pulang ke wilayah Narathiwat.

Berikut adalah perkembangan kronologi migrasi masyarakat Siam:

i. Empayar Sukhothai

Berdasarkan pandangan ilmunan, penulis melihat bahawa masyarakat Siam yang berhijrah bermula dari Phayao, iaitu sebuah kerajaan kecil yang wujud di Thailand. Penempatan masyarakat Siam tersebut dikatakan telah bermula seawal tahun 1096 lagi. Walaupun terdapat beberapa kerajaan kecil yang merdeka wujud di Thailand ketika itu, phayao merupakan salah sebuah wilayah yang terawal diduduki oleh masyarakat Siam. Selain Phayao, diikuti dengan negeri-negeri lain yang turut wujud ketika itu seperti Kota Ciengraj, Ciensen, Ciengmai, Sua atau dengan nama lainnya Lua Prabang.

Penaklukan ke atas Nancao oleh Kublai Khan (TM 1253) telah mengubah taburan penempatan masyarakat Siam di kerajaan kecil di selatan. Sukhothai (wujud sejak TM 1238) dan Luang Prabang di lembah sungai U mulai berkembang membentuk empayar Lannathai, walaupun akhirnya Sukhothai yang lebih dikenali. Sukhothai menjadi pusat pemerintahan terawal ketika itu dan menjadi kekuatan masyarakat Siam ketika itu kerana mempunyai pengaruh yang besar. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian lapangan yang dilakukan oleh penulis ke Sukhothai yang dikatakan kota bersejarah itu. Boleh dikatakan hampir setiap bucu dan sisi kota Sukhothai dikelilingi oleh istana atau lebih dikenali sebagai kerajaan yang berjaya ketika itu. Setiap binaan kota tersebut dihalusi oleh seni buatan yang sangat kreatif malah menimbulkan persoalan terhadap penulis tentang kehebatan masyarakat dahulu membina kerajaan mereka. Sebagaimana yang diketahui, mengikut sejarah manusia, tidak terdapat teknologi canggih lagi ketika itu dan perkara tersebut menimbulkan rasa bangga terhadap masyarakat dahulu kerana mereka bukan sahaja bijak berperang malah kebijaksanaan mereka turut terserlah dalam teknologi binaan. Walaupun tidak semua kota yang wujud di bandar Sukhothai bandar bersejarah itu hari ini, namun masyarakat di sana masih mementingkan dan memelihara nilai seni tersebut dengan mewujudkan replika atau binaan semula yang menampilkan keadaan yang sama di tempat yang sama bagi melahirkan rasa bangga dan rasa patriotik itu dalam diri masyarakat Siam pada hari ini.

Selain itu, kehancuran Nancao turut menjejaskan perkembangan kerajaan Siam Ahom di Assam (India) tetapi menyemarakkan perkembangan mereka di Sipsong Panna dan Sipsong Cuthai. Sukhothai dianggap telah mencapai zaman perkembangan semasa pemerintahan Rama Khamheng (TM 1283 - 1317) dan masyarakat Siam mengingatinya sebagai pengasas huruf tulisan bangsa ini. Perluasan empayar

Sukhothai dipercayai hingga ke hujung tanah (Johor - Singapura) walaupun tidak ada bukti yang kukuh. Namun begitu, kerajaan Lavo, Khamphengphet hingga ke Caiya dan Ligor di Segenting Kra dianggap sebagai sebahagian empayar tersebut. Sewaktu Sukhothai melalui zaman kemerosotan raja U Thong (nama Kerajaan) membina kota baru *Dvaravati Sri Ayudhya* di sebuah pulau di Sungai Chao Phara. Di sebelah Luang Prabang pula, Fa-Ngum berusaha membina empayar Sejuta Gajah (Lan Cang). Dipercayai zaman pemerintahan Sukhothai dulu terdapat banyak kerajaan yang wujud menyebabkan setiap sisi bandar Sukhothai dipenuhi dengan dinding dan tapak pemerintahan yang seakan sama tetapi berbeza apabila dilihat dari segi posisi tempat tersebut.

ii. Empayar Siam Ayutthaya

Kota Ayudhya berkembang pesat dan mulai dikenali sebagai 'Kota Siam' dalam kalangan sekitar dan Barat. Pengaruhnya jauh ke selatan mengambil alih peranan Sukhothai, Kerajaan Siam di Perak (Gangga Negara), Johor (Klangkeo) dan Pahang (Uderapura) tentulah mempunyai kaitan rapat dengan Ayudhya. Sejarah Melayu (TM 1612) karangan Tun Seri Lanang menyebut bahawa negeri Ganggayu (Klangkeo) dibina oleh masyarakat Siam asli yang terletak di hulu sungai Johor. Kotanya diperbuat daripada batu hitam dan pemerintahnya, Raja Culan sebagai Raja Besar dan segala Raja di sebelah timur ini boleh dikatakan kesemuanya takut kepada baginda. Kerajaan Siam Gangga Negara dan Klangkeo telah ditakluki oleh Raja Benua Hindi dan kerajaannya di Pahang telah diwawaskan oleh Melaka.

Walaupun gagal memberikan tarikh sebagai suatu fakta sejarah, Tun Seri Lanang menegaskan bahawa Ganggayu ialah negeri Siam asli dan kotanya masih wujud semasa beliau menyiapkan buku tersebut. Buku undang-undang Siam Kot Monthienraban (TM 1360) dikatakan sebagai kerajaan taklukan Siam, dikenali sebagai kerajaan Wirawari terletak di Johor Tua Ganggayu/Klangkeo. Para penulis sejarah hanya berbeza pendapat tentang nama kerajaan tersebut tetapi tidak menafikan tentang kewujudan Kerajaan Siam asli di Johor. Ini membuktikan bahawa masyarakat Siam ini telah lama berada di Semenanjung Tanah Melayu, menjalani kehidupan berkerajaan secara aman dan perang dengan pihak lain, terutamanya Melaka yang kian muncul sebagai kuasa baru. Kehidupan mereka juga bercampur baur dengan kerajaan Melayu lain seperti Pattani, Kelantan, Kedah dan lain-lain samada di bawah pengaruh Ayudhya atau tidak.

iii. Zaman Bangkok

Zaman Phya Taksin dikatakan telah bermulanya zaman Bangkok yang mana wujudnya pusat pemerintahan tersebut di Bangkok. Phya Taksin dikatakan memegang kuasa besar yang mempunyai pengaruh dari segi ketenteraan ketika itu. Sebelum itu, Ayuthaya yang dikatakan sebagai kota besar dengan kepadatan penduduk hampir sejuta luasnya itu telah dihancurkan dengan mudah sekali oleh tentera Burma pada tahun 1767. Namun, kehancuran kota Ayuthaya ketika itu dikatakan tidak mampu dibangunkan semula oleh Phya Taksin mahupun Cakri (*Thongdjuang*). Dari Chanthaburi, kemudiannya Thonburi, saki baki tentera Ayuthaya melancarkan perang gerila sehingga tentera Burma berundur 10 tahun kemudian. Kejatuhan Ayuthaya meninggalkan kesan yang amat parah kepada Siam. Kemusnahannya sangat teruk sekali dan Siam mula kehilangan kuasa pusat malah kerajaan naungan dan jajahan mula berdiri bebas. Setelah itu, usaha penyatuan semula oleh Phya Taksin menunjukkan pengorbanannya bukanlah sedikit kerana berjaya mempertahankan ibu kota kerajaan Ayuthaya ketika itu. Pengiktirafan ke atas kebolehan dan kecekapan menyusun strategi ketenteraan dalam siri peperangan penyatuan semula Siam membolehkan wilayah Ayuthaya yang telah mengisytiharkan kemerdekaan atau sebagai kerajaan pusat kerajaan sementara. Ayuthaya diwawaskan oleh satu persatu, seperti Negeri Fang di Utara, Phimai di Korat dan Nakhon Si Thammarat di Selatan.

iv. Siam Di Semenanjung Malaysia

Kerajaan Siam zaman Rattanakosin (Bangkok) memperlihatkan pengaruh lebih jelas ke atas negeri-negeri Melayu di Selatan, Pattani, Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu. Penghantaran bunga emas, setiap dua atau tiga tahun sekali ke Bangkok sebagai tanda persahabatan dan kesetiaan, bahkan pelantikan seseorang Raja di negeri tersebut (kecuali Terengganu) perlu diberi pengesahan oleh *Maharaja Benua Siam*. Surat pengesahan dengan gelaran tertentu akan diberikan oleh Bangkok. Contohnya, setiap Raja/Sultan Kedah akan bergelar Phya Rithisongkramramphakdi Sri Sultan Kedah Ratnarathnunintarasurindhra Wiwongsa. Phya Saiburi dan Raja Perlis pula Phya Visedsongkram Ramwicidwillismara Phya Palis. Sultan Kelantan sebagai Phya Phipidphakdi Willismara Phya Kalantan.

Terdapat beberapa pegawai Siam ditempatkan di beberapa buah negeri tersebut dan bagi rakyat jelata Siam, negeri-negeri Melayu ini adalah negeri mereka juga. Mereka datang dalam kumpulan petani mencari kawasan subur untuk menetap dan diteroka sebagai kawasan pertanian. Sebagai rakyat biasa mereka tidak tertarik dengan

urusan politik atau 'kerja raja-raja' walaupun pernah diberitahu terdapat penglibatan penduduk Siam ini dalam perang saudara di Kelantan. Serangan tentera Phya Taksin ke atas Nakon Si Thammarat dua tahun selepas Phya Nakon (Nu) mengisytiharkan kerajaan merdeka (TM 1770) memungkinakan rakyat jelata Siam melarikan diri ke negeri Selatan dan terus menetap di sana. Hidup di bawah perlindungan raja-raja Melayu. Ada yang mendapat sedikit sebanyak kedudukan atau kurniaan.


Hal ini dapat dilihat umpamanya Tok Merah Chu Ding dijadikan Ketua Siam di Besut oleh Tengku Muda, raja Besut (Terengganu) dengan gelaran Tok Helang Merah. Kerajaan Siam zaman Bangkok menyaksikan tekanan perluasan kolonialisme Barat dari segenap penjuru sempadannya. Siam mula kehilangan wilayahnya seperti di Sipsong Panna, Sipsong Cuthai, Siamreap, Batthabong kepada Perancis. Kok Song di Tenasserim, kepada Inggeris dan TM 1909, melalui Perjanjian Bangkok, Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris. Namun rakyat jelata Siam terus menetap di negeri naungan British ini walaupun ada cerita lisan mengatakan hampir semua keluarga Siam di Bukit Tempurong, Besut pulang ke wilayah Narathiwat, antara TM 1912 - 1915.

Ekoran daripada peristiwa perjanjian Siam Inggeris 1909 itu, menandakan Siam sudah tidak lagi mempunyai kuasa terhadap Tanah Melayu kerana telah diserahkan kepada British. Namun, tompok pemerintahan Siam masih lagi wujud di Tanah Melayu dengan wujudnya perkampungan Siam dari dahulu hingga kini. Malah perhubungan persaudaraan antara dua buah negara ini menjadi lebih akrab apabila mereka sering berulang alik dari Siam ke Kelantan yang dikatakan sudah menjadi sebahagian daripada 'Tanah Melayu ketika itu. Seperti yang dimaklumi, masyarakat Siam yang tinggal di Tanah Melayu ketika itu telah mendapat pengiktirafan sebagai rakyat Malaysia selepas Tanah Melayu mendapat Kemerdekaan pada tahun 1950. Hal ini menunjukkan bahawa mereka bukannya pendatang asing tanpa izin yang diwar-warkan oleh sesetengah pihak, malah mereka juga diberi keistimewaan untuk membuat kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia bagi anak yang lahir selepas merdeka. Bagi masyarakat Siam yang lahir sebelum merdeka seperti mereka yang datang ke Tanah Melayu selepas merdeka juga diberi keistimewaan dengan membuat kad merah dan kemudiannya mendapat status warganegara tetap selepas tamat tempoh yang diberikan.

Masyarakat Siam di Tanah Melayu terus berkembang dengan kepadatan penduduk yang agak ramai selepas Merdeka sehinggalah sekarang dan ini menyebabkan mereka lupa asal usul mereka dari mana. Tanpa mereka sedari, asal usul mereka amat penting untuk diketahui kerana sejarah keturunan mereka mungkin sahaja daripada

negara kota yang sangat gah dan sangat kuat suatu ketika dahulu dan perkara ini menjadi kebanggaan bagi masyarakat di sana dan juga masyarakat hari ini. Oleh itu, masyarakat Siam yang masih wujud hari ini tidak seharusnya malu dengan identiti nenek moyang mereka dahulu kerana nilai sejarah yang wujud itu menunjukkan identiti mereka sebenar yang banyak memperjuangkan tanah air mereka. Sejarah masyarakat Siam juga sangat penting untuk dikaji dan diketahui oleh masyarakat hari ini dan masyarakat Siam khususnya bagi merapatkan lagi jurang yang timbul. Suatu ketika dahulu, rakyat di Tanah Melayu dan Thailand pernah bersaudara dan tali persaudaraan yang dibina tidak sepatutnya dilepaskan begitu sahaja. Walaupun dua buah negara yang berbeza namun Malaysia-Thailand berkongsi sejarah yang sama. Cuma jalan cerita yang berbeza mengikut pendapat dan pandangan tokoh sejarahwan dua buah negara.

Daripada perbincangan, penulis juga mendapat idea untuk menyiapkan satu historiografik pergerakan masyarakat Siam ke Kelantan secara umum. Berikut adalah Historiografik Migrasi Komuniti Siam Dari Tahun 1096 hingga 1915:



Rajah 10.1 : Historiografik Migrasi masyarakat Siam ke Kelantan, Malaysia

RUMUSAN KEPENDUDUKAN SIAM DI MALAYSIA

Berdasarkan kajian pengesanan sejarah kependudukan masyarakat Siam semenanjung Malaysia khususnya di Kelantan dapat dilihat melalui kronologi masyarakat Siam itu sendiri. Masyarakat Siam yang datang ke Tanah Melayu selepas dan sebelum perpecahan sempadan melalui perjanjian Inggeris Siam 1909 itu sememangnya memberi kesan yang besar kepada masyarakat Siam secara khususnya. Hal ini kerana, melalui perjanjian tersebut Siam mula berpecah daripada satu kelompok yang besar kepada kelompok yang diidami hanya penduduk Siam atau lebih dikenali sebagai Thai. Berbeza dengan sebelum perjanjian Inggeris Siam 1909 itu, masyarakat Siam bercampur dengan masyarakat Melayu kerana berada di bawah penjajahan Siam yang pada masa itu merupakan pengaruh kuasa yang sangat besar.

Secara keseluruhannya, masyarakat Siam Kelantan sebenarnya tidak berlaku isu penghijrahan secara langsung kerana masyarakat Siam sememangnya berasal dari negeri Kelantan iaitu bertaraf penduduk tetap sebelum Tanah Melayu Merdeka. Masyarakat Siam Malaysia hanya melalui proses transmigrasi yang kebiasaan sahaja ekoran daripada sanak saudara mereka yang masih tinggal di Thailand. Penulis juga berpendapat sedemikian setelah penulis mendapati bahawa bahasa yang digunakan oleh masyarakat Thai di Sukhothai, Thailand mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Siam di Kelantan.

Selain itu, penghijrahan masyarakat Siam yang datang dari Sukhothai juga dikatakan telah melalui banyak faktor kedatangan. Contoh yang paling jelas ialah faktor ekonomi, faktor perkhawinan dan faktor peperangan. Oleh itu, faktor-faktor yang menyokong kehadiran masyarakat Siam tersebut ke Kelantan mengukuhkan lagi teori pengkaji-penulis yang lampau. Namun begitu, faktor kedatangan tersebut memerlukan tempoh masa yang panjang untuk melalui satu-satu kawasan menyebabkan proses transmigrasi tersebut meninggalkan kesan bagi setiap kawasan yang telah mereka diidami itu.

BIBLIOGRAFI

- Chaiwat Meesathhan (2015), *Evolusi Identiti Melayu Di Kalangan Komuniti Melayu Thai Di Daratan Bangkok, Thailand*. Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial : Universiti Malaya
- Isma Ae Mohamad (2015) *Novel Sejarah Ratu-ratu Patani (Kisah Cinta dan Perang)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Jit Phumisak (1976M). *Latar Belakang Perkitaan Siam, Thai, Laos, Kambodia dan Ciri-ciri kemasyarakatan kebangsaan*. Bangkok: Penerbit Duangkamun Berhad.
- Khamnuong Nuansanong (2017) *Masyarakat Siam Kelantan, Malaysia: Sejarah Migrasi, Dialek Komunikasi, Pengajian Bahasa Thai Standard dan Agama Buddha*. Masyarakat Siam Di Kelantan; Sejarah, Sosiobudaya dan Bahasa. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- _____. (2003M). *Belajar Pembangunan Masyarakat dan Kebudayaan Thai di Utara Malaysia*. Songkhla: Institut Pendidikan Thaksin Universiti Thaksin.
- Khian Thirawit. (2004M.). *Evolusi Pemerintahan China*. Bangkok Institut Pengajian Asia Universiti Cuijalongkon.
- Manit Sripradit (2011), *Pemikiran Siri Neng Buah Terhadap Warisan Seni Budaya Dan Masyarakat Siam Malaysia*. Tesis (Tidak Diterbitkan).
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. *Hubungan Kesultanan Kedah Dengan Siam, Seminar Kesultanan Negeri Kedah, Anjuran Kerajaan Negeri Kedah Dan Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 10-11 September 2013*
- Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Shah Alam : Penerbit Hizbi
- Nur Azuki Yusuff (2017) *Masyarakat Siam Di Kelantan; Sejarah, Sosiobudaya dan Bahasa*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Siri Neng Buah Dan Nur Azuki. (2017) *Beberapa Catatan Sejarah Berkaitan Tinjauan Hubungan Sosio Budaya Kedah-Siam (Ligor), Masyarakat Siam Di Kelantan; Sejarah, Sosiobudaya dan Bahasa*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Suwannathat-Pian, Kobkua (1991), *Sejarah Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wit Bandhikun. (2012M). *Malaysia*. Bangkok : Shaphon Books.